

## Fonologi Rangkap Vokal Dan Kepelbagaian Dialek Melayu: Analisis Teori Optimaliti

Zaharani Ahmad

[zaharani@ukm.my](mailto:zaharani@ukm.my)

Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Nor Hashimah Jalaluddin

[shima@ukm.my](mailto:shima@ukm.my)

Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Shariffulizan Malek

[shariffulizan@dbp.gov.my](mailto:shariffulizan@dbp.gov.my)

Jabatan Bahasa  
Dewan Bahasa dan Pustaka

### Abstrak

Makalah ini membincangkan perilaku fonologi rangkap vokal dalam empat kumpulan dialek Melayu, iaitu dialek Johor, dialek Kedah, dialek Perak dan dialek Kelantan. Data kajian terdiri daripada data sekunder yang dipetik daripada beberapa kajian lepas (Asmah Haji Omar, 1985; Raja Mukhtaruddin, 1986; Ajid Che Kob, 1984; Teoh Boon Seong, 1994). Analisis fonologi yang dikemukakan berdasarkan pendekatan kekangan daripada teori optimaliti (Prince & Smolensky, 2004; McCarthy 2008). Dapatan kajian menunjukkan kesemua dialek ini secara umumnya tidak membenarkan kehadiran rangkap vokal di peringkat permukaan kerana ini melibatkan pengingkaran onsets. Dari sudut pendekatan rumus, rangkap vokal di peringkat dalaman akan ditangani melalui proses fonologi, seperti diftongisasi, ambisilabifikasi, peleburan vokal dan pengguguran vokal. Setiap dialek menggunakan strategi yang berbeza dalam menangani rangkap vokal ini, dan kesannya menyebabkan wujudnya kepelbagaian dialek dalam bahasa Melayu. Dari sudut pendekatan kekangan dalam kerangka teori optimaliti pula, kewujudan pelbagai dialek Melayu disebabkan oleh pematuhan dan pengingkaran kekangan-kekangan yang bersifat universal, dan setiap dialek itu mempunyai susunan tatatingkat kekangannya yang tersendiri. Semua dialek ini meletakkan kekangan \*KOMPLEKS, \*VK], KONTIGUITI dan  $KT \geq KAKI$  di tingkat tertinggi dan tidak boleh diingkari. Kekangan yang boleh diingkari pula terdiri daripada ONSET, UNIFORMITI, INTEGRITI, MAKS-IO, \*KODA, dan kekangan-kekangan ini ditatatingkatkan secara berbeza dalam dialek-dialek tersebut.

**Katakunci:** rangkap vokal, tatatingkat kekangan, diftongisasi, ambisilabifikasi, peleburan vokal.

## **The Phonology Of Vowel Sequences And The Diversity Of Malay Dialects: An Optimality Theoretic Account**

### **Abstract**

This paper discusses the phonology of vowel sequences in four major dialects of Malay, namely Johor dialect, Kedah dialect, Perak dialect and Kelantan dialect. The present study utilizes secondary data cited from previous works (Asmah Haji Omar, 1985; Raja Mukhtaruddin, 1986; Ajid Che Kob, 1984; Teoh Boon Seong, 1994). The phonological analysis proposed in this study is set within the constraint-based approach of optimality theory (Prince & Smolensky, 2004; McCarthy, 2008). It is apparent that all these dialects generally disfavor the occurrence of vowel sequences in the surface representation as they incur onset violation. In the ruled-based approach, underlying vowel sequences are resolved by phonological processes, such as V-deletion, V-coalescence, diphthongization, and ambisyllabification. Each dialect employs different strategy in resolving the sequences, which consequently gives forth dialectal variation in the language. In the constrained-based approach of optimality theory, phonological variation in the Malay dialects is analyzed as the result of satisfying and violating of the universal well-formedness constraints, and each dialect is imposing a particular ranking on those universal constraints. The following constraints, namely \*COMPLEX, \*VC], CONTIGUITY and WRD $\geq$ FOOT are highly ranked and unviolable in the dialects. The constraints that can be violated are ONSET, UNIFORMITY, INTEGRITY, MAX-IO, \*CODA, and these constraints are ranked differently in each dialect.

**Keywords:** vowel clusters, constraint ranking, diphthongization, ambisyllabification, vowel coalescence.